



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 23 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	50 ASNAF CHILDREN GIFTED NEW HARI RAYA ATTIRE		POSITIF
	https://www.sarawaktribune.com/50-asnaf-children-gifted-new-hari-raya-attire/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	IBU TUNGGAL TABAH JAGA 3 ANAK OKU, SYUKUR BANTUAN MAIWP		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1199695/ibu-tunggal-tabah-jaga-3-anak-oku-syukur-bantuan-maiwp	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	50 PESAKIT, KOMUNITI OKU TERIMA SUMBANGAN DUIT RAYA YAYASAN SARAWAK, MAKSAK WANITA SARAWAK		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/03/22/50-pesakit-komuniti-oku-terima-sumbangan-duit-raya-yayasan-sarawak-maksak-wanita-sarawak/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	'PAKCIK PETAI' BERNIAGA UNTUK KUMPUL DUIT PEMBEDAHAN ISTERI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1199859/pakci-k-petai-berniaga-untuk-kumpul-duit-pembedahan-isteri	HMETRO.COM.MY	
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/lifestyle/kisah-masyarakat/pak-cik-petai-rupanya-sedang-kumpul-duit-mahu-biayai-kos-pembedahan-mata-isteri-tak-nak-susahkan-anak-anak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/pakcik-petai-dikunjungi-pelbagai-pihak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1375697/pakcik-petai-berniaga-cari-wang-tampung-pembedahan-mata-isteri	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

23/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.youtube.com/watch?v=LC7ojrPuHcs	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1191735/petai-seller-viral-incident-raising-money-wifes-cataract-surgery	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SURI RUMAH SIMBAH ANAK DENGAN AIR PANAS DITAHAN POLIS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1375560/suri-rumah-simbah-anak-dengan-air-panas-ditahan-polis?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/03/22/suri-rumah-tergamak-simbah-anak-usia-10-tahun-dengan-air-panas-gara-gara-bermain-alat-solek-di-melaka	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/suri-rumah-ditahan-disyaki-pukul-simbah-anak-dengan-air-panas/	BULETINTV3.MY	
	https://www.melakahariini.my/ibu-simbah-anak-dengan-air-panas-kerana-main-alat-solek/	MELAKAHARIINI.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-ditahan-simbah-anak-air-panas-kerana-main-alat-solek-513521	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



50 asnaf children gifted new Hari Raya attire

News Desk Sarawak News 22 March 2025



Nancy (second left) presents a donation to one of the recipients. - Photo: Information Department

LUNDU: A total of 50 children from the asnaf (needy) group in the Tanjong Datu constituency received donations in the form of clothing essentials for the upcoming Hari Raya Aidilfitri.

Federal Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri officiated at the handover ceremony in conjunction with 'Sinar Syawal' programme held at a supermarket here today (March 22).

The Hari Raya clothing donations were sponsored by Alliance Islamic Bank Bhd.

Nancy stated that the donations are intended to lighten the load for parents and guardians as they prepare for Hari Raya Aidilfitri.

"Ramadan is a time for Muslims to amplify their acts of charity and kindness.

"Hence, it is crucial to give more during this blessed month, particularly to support those in need," said Nancy, who also serves as the Santubong Member of Parliament.

This year is the third time that the programme, a joint initiative by the National Welfare Foundation (YKN) and Alliance Islamic Bank, is being organised.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal tabah jaga 3 anak OKU, syukur bantuan MAIWP

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Etwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (barisan belakang berbaris merah songkok hitam) ketika bergambar pada program 'Shopping pakaian dan keperluan raya asnaf' anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama AEON Big Wangsa Maju, di pasar raya itu, di Kuala Lumpur, hari ini. FOTO Amir Abd Hamid

Kuala Lumpur: "Allah SWT bagi kekuatan untuk saya. Saya tak kuat sangatlah, Allah yang bagi. Allah hadirkan kekuatan untuk saya uruskan jaga anak-anak syurga saya selagi diberikan kesempatan."

Demikian luahan Murni Agil, 49, seorang ibu tunggal yang tabah membesarkan tiga anak orang kurang upaya (OKU) sejak lebih dua dekad lalu selepas pemergian suami tersayang akibat paru-paru berair.

Selepas suaminya meninggal dunia, kehidupan Murni berubah sepenuhnya. Tanpa pekerjaan tetap, dia bergantung sepenuhnya kepada bantuan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meneruskan kehidupan bersama anak-anak syurganya, Muhamad Faiz Md Daud, 32, Fatin Norhamzah, 31, dan Muhammad Nur Taufiq, 22, yang semuanya mengalami masalah kerosakan saraf.

Lebih menyayat hati, seorang lagi anaknya, Nurfitri Nadia, meninggal dunia pada usia 22 tahun.

"Doktor kata penyakit anak-anak saya semakin lama semakin merosakkan saraf mereka. Kata doktor jangka hayat mereka mungkin hanya sehingga usia 30-an saja.

"Syukur Alhamdulillah, Allah masih pinjamkan nyawa buat mereka dan untuk saya masih berkesempatan menjaga. Selagi mereka ada, saya akan jaga dengan sebaik mungkin," katanya sebak.

Walaupun perlu menguruskan anak-anak OKU seorang diri, Murni tidak pernah mengeluh malah bersyukur kerana mereka tidak banyak karenah.

"Mula-mula dulu ada juga rasa susah, tapi lama-lama saya terbiasa. Lagipun anak-anak saya bukan jenis meragam. Saya anggap ini amanah Allah buat saya," katanya.

Dengan pendapatan hanya RM800 sebulan daripada Baitulmal dan RM1,000 dari JKM, dia perlu berjimat cermat demi memastikan anak-anak mendapat keperluan secukupnya.

Namun kegembiraan jelas terpancar pada wajahnya apabila dia sekeluarga terpilih menerima bantuan pakaian dan keperluan raya melalui program 'Shopping pakaian dan keperluan raya asnaf' anjuran MAIWP dengan kerjasama AEON Big Wangsa Maju, di sini, hari ini.

"Saya sangat terharu. Nak buat persiapan raya bukan mudah, dengan keadaan ekonomi sekarang. MAIWP banyak membantu. Bila anak-anak tahu mereka dapat baju raya, mereka seronok sangat. Terima kasih kepada pembayar zakat dan MAIWP kerana menggembirakan hati asnaf seperti kami," katanya.

Murni berharap lebih ramai pembayar zakat terus menyumbang supaya lebih ramai golongan asnaf sepertinya dapat menikmati kemanisan Aidilfitri seperti orang lain.

"Terima kasih kerana membantu kami yang kurang berkemampuan. Kami juga ingin merasakan kegembiraan di hari raya," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Etwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar yang menyempurnakan program bantuan itu berkata, ia kerjasama antara MAIWP, Pengurusan Syarikat AEON (M) Sdn Bhd serta Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (Empire Project) bagi membantu asnaf menerima sumbangan mendapatkan kelengkapan raya yang diperlukan.

Inisiatif untuk tahun yang ketiga itu, katanya bukan sekadar memberikan bantuan kewangan kepada golongan asnaf, tetapi juga membawa mereka merasai pengalaman membeli sendiri pakaian dan keperluan raya di pasar raya.

"Dengan cara ini, mereka dapat memilih barangan mengikut cita rasa dan keperluan, menjadikan Aidilfitri mereka lebih bermakna dan penuh kegembiraan.

"Sebanyak RM75,000 telah diperuntukkan oleh MAIWP bagi program ini, dengan setiap penerima menerima RM300 untuk membeli pakaian dan keperluan raya.

"Sumbangan melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 100 penerima (RM30,000), Wilayah Persekutuan Labuan – 100 penerima (RM30,000) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya – 50 penerima (RM15,000)," katanya.

Beliau mengalu-alukan kerjasama strategik dengan semua pihak untuk menyantuni asnaf supaya golongan itu tidak terpinggir khususnya pada hari gembira musim perayaan.

"MAIWP terus komited dalam memastikan kebajikan golongan memerlukan terpelihara, seiring dengan konsep Rahman dan Madani," katanya.

Disiarkan pada: Mac 22, 2025 @ 2:02pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penasihat Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Sarawak (MAKSAK) Wanita Sarawak, Puan Sri Datuk Amer Juma'ani Tun Tuanku Bujang menyampaikan sumbangan duit raya kepada 50 anak Sarawak daripada golongan memerlukan, yang menetap di sekitar Lembah Klang. Foto Amirah Shawei (TVS)

50 pesakit, komuniti OKU terima sumbangan duit raya Yayasan Sarawak, MAKSAK Wanita Sarawak

By Bernama #bm, Malaysia March 22, 2025 5:20 PM

KUALA LUMPUR, 22 Mac: Seramai 50 anak Sarawak yang menetap di sekitar Lembah Klang menerima sumbangan duit raya daripada Yayasan Sarawak dan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Sarawak (MAKSAK) Wanita Sarawak, hari ini.

Penerima sumbangan yang disampaikan oleh Penasihat MAKSAK Wanita Sarawak, Puan Sri Datuk Amar Juma'ani Tun Tuanku Bujang, terdiri daripada 47 komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) dan tiga pesakit hospital Lembah Klang yang menetap di Ibu Negara.

Pengarah Yayasan Sarawak, Datu Mersal Abang Rosli, berkata sumbangan itu merupakan manifestasi keprihatinan Yayasan Sarawak dan MAKSAK Wanita Sarawak terhadap kebajikan warga Sarawak.

"Kami berharap agar sumbangan yang diberikan dapat sedikit sebanyak meringankan beban dan memberikan keceriaan, terutamanya kepada para pesakit dan komuniti orang kurang upaya, serta kakitangan sokongan di Pejabat Perhubungan Sarawak Kuala Lumpur dan Yayasan Sarawak Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Sentuhan Kasih Juma'ani dengan kerjasama Pejabat Perhubungan Sarawak Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi MAKSAK Wanita Sarawak, Datin Amar Baduyah Bujang, serta Ketua Biro Pendidikan MAKSAK Wanita Sarawak, Datin Fauziah Mardiana Sepawi.

Sementara itu, salah seorang penerima sumbangan, Nikod Samut, 54, berkata bantuan yang diterima akan membantunya menampung kos perbelanjaan bagi menyara anaknya, Emrick Xavier, yang mengalami masalah pembelajaran.

"Bantuan ini akan digunakan untuk membeli barangan anak saya seperti baju dan kasut. Program sebegini memang membantu dari segi keperluan dan meringankan kos perbelanjaan," katanya.

Bagi seorang pemandu bas sekolah, Hadimah Putit, 46, sumbangan itu akan dimanfaatkan untuk membiayai yuran terapi bagi anaknya yang menghidap Sindrom Down.

Katanya, anaknya yang berusia enam tahun kini menjalani pelbagai terapi, termasuk terapi wicara dan bahasa serta terapi cara kerja, bagi memastikan dia mampu berdikari.

"Saya tidak sangka saya akan tersenarai untuk menerima sumbangan oleh Yayasan Sarawak ini. Saya sangat bersyukur dan berharap agar golongan OKU terus terbela serta diberikan tempat khas untuk bersekolah dan bekerja," katanya. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Pakcik Petai' berniaga untuk kumpul duit pembedahan isteri

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my



TANGKAP layar video tular mengenai 'Pakcik Petai'.

Port Dickson: "Apa yang berlaku ada hikmah di sebaliknya, namun saya bersyukur ia dapat di selesaikan dengan baik.

"Ketika kejadian itu, memang saya marah dan amat kecewa sekali hinggakan saya membuang petai yang siap diikat bernilai sekitar RM200," kata 'Pakcik Petai', Mohd Noor Saad, 67, ketika ditemui di rumahnya, hari ini.

Katanya, dia tidak mengetahui siapa yang mengambil gambar video kerana ramai yang berada tidak jauh dari lokasi kejadian ketika itu.

"Saya memang tiada telefon bimbit malah tidak tahu pun cara menggunakannya tetapi setahu saya ada seorang pegawai perempuan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) beruniform sedang merakam gambar kejadian itu.

"Dua pegawai lelaki MPPD itu yang berjumpa dan memarahi saya yang menyebabkan saya 'naik angin' hingga saya bertindak membuang semua petai yang ada di dalam bakul akibat terlalu marah," katanya.



"PAKCIK Petai", Mohd Noor dan isterinya, Asiah ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Raya, Pasir Panjang, Port Dickson. FOTO Mohd Khidir Zakaria.

Mohd Noor berkata, dia hanya membuat kerja kampung dan hanya sekali sekala menjual petai jika ada musim petai bagi menyara kehidupan keluarganya.

"Cuma saya dan isteri, Asiah Yaakup, 63, di rumah manakala dua anak saya, lelaki dan perempuan sudah berkeluarga dan bekerja di Kuala Lumpur serta Johor Bahru.

"Saya sekarang dalam usaha mengumpul duit untuk pembedahan membuang selaput mata kiri isteri di hospital kerajaan dan kos dianggarkan sekitar RM1,500 kerana itulah saya berniaga mencari rezeki mengumpul duit untuk pembedahannya itu," katanya.

Mohd Noor berkata, memberitahu, sehingga kini dia masih belum berjaya mengumpul wang bagi menampung kos pembedahan itu biarpun turut mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk warga emas sebanyak RM500 sebulan.

"Semalam ada pihak memberikan borang untuk permohonan berniaga sementara dan dia akan melengkapkannya bagi membolehkannya berniaga.

"Sejujurnya saya terkejut kerana isu 'Pakcik Petai' viral hinggakan ramai datang menyatakan sokongan dan turut menyumbang membuatkan saya benar-benar terharu," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suri rumah simbah anak dengan air panas ditahan polis

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Mac 22, 2025 @ 2:13pm
bhnews@bh.com.my



MELAKA: Polis menahan seorang wanita selepas disyaki memukul dan menyimbah air panas ke atas anak perempuannya berusia 10 tahun hanya kerana menggunakan alat soleknya, kelmarin.

Difahamkan kejadian berlaku di rumah mereka di sebuah taman perumahan di Batu Berendam dan terbongkar selepas guru sekolahnya bertanya kepada mangsa yang memakai baju biasa dan bukan pakaian sukan ketika hadir ke sekolah semalam.

Menurut sumber, kanak-kanak itu memberitahu dia sedang sakit dan hasil pemeriksaan guru terbabit mendapati ada kesan lebam di tangan kiri dan belakang badannya.

"Guru terbabit yang juga pengadu terus membawa mangsa ke pejabatnya dan memanggil guru kelas untuk maklumat lanjut.

"Mangsa kemudian menceritakan kejadian kira-kira 8 malam Khamis lalu semasa dia bermain alat solek ibunya yang terdapat di dalam tandas tanpa pengetahuan suri rumah itu.

"Sebaik menyedarinya wanita itu dikatakan memarahi mangsa dan memukulnya menggunakan alat pengurut tangan serta menyimbahnya dengan beberapa cawan air panas," katanya.

Sumber berkata, sewaktu kejadian adik beradik mangsa sedang tidur dan mangsa turut memberitahu bapanya bahawa dia dipukul oleh ibunya.

Katanya, guru sekolah cuba menghubungi bapa mangsa namun tidak berjawab sebelum terus membawa murid itu ke Hospital Melaka untuk rawatan dan mangsa ditahan di wad untuk rawatan susulan.

Menurutnya, hasil siasatan polis menahan wanita berkenaan dan dia direman sehari bermula hari ini bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Ketua Polis Melaka Datuk Dzulkhairi Mukhtar ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kes berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001," katanya.